

28/04/1998

Penyusunan semula MAS dipercepat

Hassan Omar

PENYUSUNAN semula aset Penerbangan Malaysia (MAS) membabitkan penjualan pesawat miliknya kepada sebuah syarikat baru dan kemudian menyewa semula pesawat itu akan diumumkan esok atau Khamis ini.

Penyusunan itu terpaksa 'dipercepat' daripada cadangan asal pelaksanaannya apabila operasi MAS berpindah ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, Jun depan.

Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli berkata, mengikut cadangan, penyusunan hanya dilaksanakan apabila operasi berpindah ke KLIA tetapi terpaksa dipercepat berikutan laporan akhbar yang menurutnya berjaya 'menghidu' langkah berkenaan.

"Penyusunan semula MAS terpaksa dipercepat sebelum kita berangkat (pindah) ke KLIA," katanya ketika memberikan ceramah pembangunan keusahawanan di Nat Usahawan Kedah '98 anjuran Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) Kedah di Alor Star, semalam.

Ekspo keusahawanan selama 13 hari bermula 14 April lalu itu bertujuan membuka pasaran industri kecil dan sederhana (IKS) usahawan tempatan, selain pembentangan kertas kerja oleh pelbagai agensi kerajaan.

Tajudin berkata demikian ketika ditanya seorang usahawan mengenai langkah perlu bagi menyelamatkan syarikat IKS Bumiputera yang kebanyakannya terjejas berikutan kegawatan ekonomi negara.

Bagaimanapun, Tajudin yang ditemui wartawan selepas ceramah enggan mengulas lanjut.

"Hari ini kita hanya bercakap mengenai usahawan IKS Kedah...tidak perlulah saya mengulas lebih lanjut mengenainya (penyusunan semula MAS)," katanya.

Pada 17 April lalu, MAS dalam pengumumannya kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mengesahkan akan melaksana penyusunan semula, sejajar rancangan awalnya untuk merasionalkan kegiatan melalui penyusunan struktur dan anak syarikatnya.

Sebuah akhbar asing melaporkan MAS merancang penyusunan semula yang bakal menyaksikan Tajudin mencadangkan penjualan pesawat MAS kepada MAS Capital yang akan dikuasai sepenuhnya oleh beliau.

MAS Capital yang akan diperbadankan di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) di Labuan akan menyewa semula pesawat itu kepada MAS, selain menerbitkan saham secara percuma kepada pemegang saham MAS sedia ada.

Kandungan cadangan itu ialah penilaian pesawat yang akan dimiliki MAS Capital yang menurut nilai buku MAS setakat Mac 1997 adalah kira-kira RM9.5 bilion. Bagaimanapun, berikutan penurunan nilai ringgit, nilai pasaran pesawat terbabit kini dianggarkan RM14 bilion.

MAS Capital akan mendapatkan pinjaman baru untuk membiayai semula pembelian pesawat berkenaan manakala MAS akan menggunakan hasil jualan membayar kepada Tajudin secara tunai serta ekuiti saham dalam dua syarikat miliknya, Technology Resources Industries Bhd (TRI) dan Malaysian Helicopter Services Bhd.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini dilaporkan berkata, sebagai pemilik 'saham penentu' dalam MAS, kerajaan tidak akan menghalang syarikat itu melaksanakan penyusunan semula struktur asetnya.

Perdana Menteri juga menegaskan penyusunan semula itu bukan bertujuan menyelamatkan Tajudin.

(END)

